

18 FEB 2003

SULTAN SHARAFUDDIN TERIMA ANUGERAH D.M.N.

SHAH ALAM, 18 Feb (Bernama ) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini menerima anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersembahkan darjah kebesaran berkenaan kepada Sultan Sharafuddin pagi ini pada satu istiadat ringkas di Istana Bukit Kayangan, di sini.

Istiadat itu disaksikan oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan isteri Datin Seri Zahrah Kechik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai serta kerabat diraja dan pembesar lain.

-- BERNAMA

RIZ MAI